

## PERANAN UNIT KAUNSELING MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS) DALAM PEMBANGUNAN ASNAF FAKIR MISKIN

Nur Amalina binti Nordin<sup>1</sup>, Nazneen binti Ismail<sup>2</sup>, Safinah binti Ismail<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Universiti Islam Selangor

\*<sup>1</sup>*email:* [amalinanordin@uis.edu.my](mailto:amalinanordin@uis.edu.my)

**Abstrak:** Asnaf fakir miskin merupakan golongan dalam masyarakat yang perlu diberi sokongan agar mereka mampu keluar daripada belunggu kemiskinan dan menyumbang kepada kesejahteraan sosial. Antara agensi yang terlibat secara langsung dengan bantuan kepada golongan ini ialah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Maka, kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan unit kaunseling MAINS dalam pembangunan asnaf fakir miskin. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul melalui instrumen temubual dan analisis dokumen berkaitan. Data dianalisis menggunakan kaedah tematik dan merumuskan kepada dua pendekatan MAINS dalam membangunkan asnaf fakir miskin iaitu kaunseling Islam dan penganjuran program pembangunan. Pendekatan ini didapati meliputi semua keperluan bagi golongan asnaf iaitu sokongan dari aspek psikologi, sosial, material dan spiritual. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran peranan unit kaunseling di Majlis Agama Islam Negeri dalam menyantuni golongan asnaf di negara ini.

**Kata Kunci:** Kaunseling Islam, Asnaf Fakir Miskin, Pembangunan Asnaf, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)

### Pendahuluan

Asnaf fakir miskin merujuk kepada golongan yang memerlukan bantuan dari segi kewangan, sosial, dan moral bagi mencapai kesejahteraan hidup, (Zahid,2010). Kajian oleh Huda Pehin, Ismail, Mas Nooraini & Nurzakiah (2021) mendapati bahawa definisi fakir dan miskin yang digunakan di negara ini adalah selaras dengan pendapat Mazhab Syafi'i dan Hanbali yang membezakan fakir dan miskin berdasarkan tahap ketidakcukupan mereka. Fakir ialah individu yang tidak mempunyai lebih dari separuh keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal manakala miskin ialah individu yang mampu memenuhi lebih separuh keperluan asas tetapi masih belum mencapai kecukupan sepenuhnya. Menurut Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Asnaf Fakir ialah individu yang tidak mempunyai harta, pekerjaan atau pendapatannya tidak mencapai 50% daripada had kifayah, termasuk mereka yang uzur, cacat dan mengalami masalah mental. Asnaf Miskin pula merujuk kepada individu yang mempunyai pekerjaan tetapi pendapatannya tidak mencukupi had kifayah akibat kos hidup yang tinggi atau keperluan mendesak, (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 2024).

Golongan asnaf fakir miskin sering menghadapi cabaran besar seperti kekurangan akses kepada pendidikan, pekerjaan yang stabil dan sokongan sosial. Hal ini menyebabkan mereka terdedah kepada masalah tekanan hidup yang boleh menjejaskan kesejahteraan mental dan spiritual. Menurut Radzi dan Ahmad (2017), golongan ini memerlukan perhatian yang lebih daripada sekadar bantuan material akan tetapi mereka memerlukan sokongan yang lebih

baik untuk membantu meningkatkan kualiti hidup mereka. Oleh itu, pendekatan yang lebih menyeluruh seperti pembangunan rohani melalui kaunseling berteraskan nilai-nilai Islam, amat diperlukan untuk membantu mereka keluar daripada belenggu kemiskinan dan mencapai kesejahteraan hidup yang lebih baik.

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) merupakan sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal Islam di Negeri Sembilan. Selepas penstrukturan semula pada tahun 2021, MAINS menjadi pusat yang menyelaras perkhidmatan seperti zakat, wakaf dan kaunseling. Fokus utama MAINS adalah memperkasakan syiar Islam melalui dasar maqasid syariah yang menitikberatkan akidah, syariah dan akhlak umat Islam, (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 2024). Selain itu, Unit kaunseling di bawah MAINS memberi tumpuan khusus kepada pembangunan asnaf. Perkhidmatan kaunseling ini disediakan secara percuma oleh kaunselor profesional berdaftar dan terbuka kepada semua individu tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa. Pendekatan kaunseling yang diterapkan menekankan pematuhan kepada Akta Kerahsiaan (Akta 580) menjamin privasi klien dan memberikan keyakinan kepada mereka untuk berkongsi masalah secara terbuka. Pendekatan ini memperkukuhkan lagi peranan kaunseling MAINS yang membantu terutamanya kepada golongan asnaf fakir miskin. (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 2024).

Oleh itu, kaunseling Islam adalah proses bimbingan yang berlandaskan ajaran al-Quran, hadis, sunnah Nabi dan ijmak ulama (Mustaffa, 1998). Di MAINS, kaunseling Islam bertujuan membantu asnaf fakir miskin mengenali dan mengatasi masalah kehidupan dengan bimbingan nilai-nilai Islam. Pendekatan ini turut menekankan konsep redha, syukur dan tawakkal, di samping membantu individu menghadapi tekanan hidup dengan membina daya tahan diri melalui pendekatan seperti tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa). Tazkiyah al-nafs memainkan peranan penting dalam pembangunan jati diri asnaf untuk keluar daripada belenggu kemiskinan dan meningkatkan pembangunan hidup yang lebih baik. Dengan memahami konsep ini, asnaf dapat membina kekuatan dalaman yang membolehkan mereka mengatasi cabaran hidup dan berusaha ke arah kehidupan yang lebih baik (Hamjah, 2017).

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk meneliti peranan kaunseling Islam dalam pembangunan asnaf fakir miskin di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan mengenalpasti pembangunan asnaf fakir yang dilakukan Oleh MAINS. Melalui pendekatan kaunseling Islam ini, diharapkan golongan asnaf dapat memperbaiki kualiti hidup mereka lebih baik dari segi material, mental dan spiritual. Selain itu, pendekatan ini bukan sahaja membantu memenuhi keperluan semasa asnaf, tetapi juga membimbing mereka ke arah kehidupan yang lebih bermakna dan sejahtera melalui penghayatan Islam yang sebenar.

### **Kajian Pustaka**

Berdasarkan tinjauan literatur, terdapat dua tema yang dikenal pasti berkaitan kajian ini iaitu pembangunan asnaf fakir miskin dan kaunseling Islam. Antara kajian berkaitan pembangunan asnaf fakir miskin ialah kajian oleh Meerangani dan Zaham Azman (2025), menilai keberkesanan program bantuan kewangan oleh institusi zakat terhadap peningkatan taraf hidup asnaf fakir miskin. Kajian ini mendapati bahawa bantuan kewangan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan asas asnaf, namun keberkesanan program ini dipengaruhi oleh pengurusan dan pelaksanaan yang sistematik. Selain itu, kajian oleh Abdullah, Ismail, Shafee, Shaharom, & A. Ghani (2019) menganalisis faktor yang menyumbang kepada keberhasilan program pembangunan modal insan untuk

asnaf melalui pendidikan. Kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan yang sesuai dengan keperluan asnaf mampu membantu mereka keluar daripada kemiskinan secara berperingkat.

Seterusnya, kajian berkaitan kaunseling Islam menjadi tumpuan sebahagian pengkaji seperti kajian oleh Zulfadhli Zafik & Jawiah Kadir (2014) membincangkan kaedah bimbingan kaunseling terhadap mualaf di Pejabat Agama Daerah Hulu Langat, Negeri Sembilan. Kajian ini mendapati kaunseling Islam sangat penting dalam membantu golongan mualaf memahami Islam dan meningkatkan keyakinan diri. Seterusnya, kajian Hamjah (2010) meneliti punca kebimbangan klien di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS) dengan menggunakan pendekatan Al-Ghazali. Kajian ini menunjukkan bahawa kaunselor di PK MAINS mengaplikasikan pendekatan Al-Ghazali dalam kaunseling untuk mengatasi kebimbangan klien. Walaupun pendekatan ini terbukti berkesan, masih terdapat jurang dalam kajian mengenai keberkesanan program kaunseling Islam khusus untuk asnaf fakir miskin, yang mana perlu diterokai lebih mendalam bagi membantu golongan ini keluar daripada kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan mereka.

Menurut kajian Hamjah (2008) terdapat keperluan untuk menerapkan elemen spiritual dalam kaunseling, terutamanya bagi masyarakat Islam kerana pendekatan kaunseling Barat kurang berkesan dalam menangani masalah emosional seperti marah, benci dan kecewa. Kajian ini menekankan pendekatan da'wah al-irsyad al-nafsiyy al-Ghazali dalam kaunseling dengan penekanan kepada aspek spiritual. Kajian oleh Mohd Fauzi Hamat (2005), turut meneliti pendekatan al-Ghazali dalam menangani kebimbangan di kalangan klien di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Walaupun berkesan, ia menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan program kaunseling Islam khusus untuk asnaf fakir miskin, menunjukkan perlunya kajian lebih lanjut dalam mengembangkan program kaunseling Islam bagi membantu golongan ini mencapai kesejahteraan.

Selain itu, Kajian oleh Zulkhairi Ahmad & Mahmood Nazar (2007) membincangkan keberkesanan program kaunseling pemulihan dadah di Pusat Serenti dinilai dari perspektif penghuni dengan tumpuan kepada umur, jumlah jam kaunseling, fasa rawatan dan harga diri. Kajian mendapati tiada hubungan antara umur dan persepsi keberkesanan kaunseling, namun terdapat hubungan signifikan antara jumlah jam dan bilangan sesi kaunseling dengan persepsi keberkesanan kaunseling, di mana penghuni dengan harga diri tinggi melihat kaunseling sebagai lebih berkesan. Hasil kajian ini mencadangkan terdapat jurang kajian dalam aspek keberkesanan kaunseling Islam terhadap asnaf fakir miskin, khususnya dalam parameter seperti jumlah jam dan bilangan sesi kaunseling serta pengaruh harga diri. Kajian oleh Mohamed Sharif (1998) & Aziz (1993) menekankan bahawa peranan kaunselor Islam adalah untuk membimbing, menolong, mendorong, dan memberikan nasihat kepada individu bermasalah menurut prinsip Islam. Mohamed Sharif (1998) menjelaskan bahawa kaunselor memainkan peranan penting dalam membantu klien mengenali diri, sikap dan matlamat hidup mereka melalui sesi kaunseling berasaskan Islam.

Kesimpulannya, kajian kaunseling Islam ini merangkumi konteks yang luas. Tinjauan ini memperkukuhkan asas kajian terdahulu dengan memberikan fokus kepada aspek-aspek khusus kaunseling Islam, khususnya peranan unit kaunseling dalam pelaksanaan kaunseling Islam serta pembangunan asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan.

## Metode

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Populasi kajian ini terdiri daripada kaunselor yang terlibat

dalam program kaunseling Islam untuk asnaf, dengan sampel dipilih secara bertujuan bagi memastikan penglibatan kaunselor yang berpengalaman. Bagi kajian ini, kaunselor di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dipilih sebagai sampel berdasarkan justifikasi bahawa hanya MAINS yang mempunyai modul Kaunseling Islam yang diamalkan dalam berhadapan dengan asnaf. Instrumen pengumpulan data merangkumi temu bual separa berstruktur dengan kaunselor serta analisis dokumen. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti. Tema-tema yang telah dikeluarkan, diserahkan kepada pakar untuk analisis kesahan. Kebolehpercayaan data diperolehi dengan mendapatkan nilai persetujuan pekali Cohen Kappa.

### **Hasil dan Pembahasan**

Berdasarkan temubual dan analisis dokumen, kajian merumuskan terdapat dua bentuk pendekatan MAINS dalam membantu asnaf fakir miskin iaitu kaunseling Islam dan program pembangunan asnaf.

#### **Program Kaunseling**

Proses kaunseling di MAINS dimulakan dengan instrumen saringan seperti Soal Selidik Sahsiah Unggul dan IPPK (Inventori Penilaian Klien Kaunseling) untuk menilai perubahan sikap, emosi dan keperluan klien sebelum dan selepas program. Penilaian ini membantu memastikan keberkesanan program pembangunan diri asnaf fakir miskin. Selain itu, penilaian kualitatif seperti tinjauan program dan pemantauan penglibatan asnaf juga dilakukan bagi menilai keberhasilan intervensi secara menyeluruh. Pembinaan hubungan antara kaunselor dan klien merupakan langkah asas dalam kaunseling. Ia bertujuan mewujudkan suasana kepercayaan yang membolehkan penerokaan masalah dilakukan dengan mendalam. Dalam sesi ini, kaunselor menggunakan kemahiran mendengar untuk memahami isu klien, seterusnya merancang strategi tindakan yang sesuai. Penilaian dilakukan selepas setiap tindakan untuk mengukur keberkesanan intervensi dan proses diakhiri dengan sesi penamatan apabila matlamat kaunseling telah tercapai, (Othman, 2024).

Selain itu, penerokaan klien dijalankan untuk mengenal pasti keperluan khusus asnaf dari aspek spiritual, emosi dan tingkah laku. Ujian psikologi seperti DAS (*Depression, Anxiety, Stress Scales*) digunakan bagi menilai tahap masalah Klien. Selain itu, kaunselor turut melakukan lawatan rumah untuk memahami keadaan sebenar klien dan memberikan sokongan lanjut. Kes yang memerlukan tindakan khusus akan dirujuk kepada pihak berautoriti seperti JKM atau hospital. Ke kerapannya sesi kaunseling di MAINS bergantung pada *Key Performance Index* (KPI) yang ditetapkan, dengan setiap klien menjalani sekurang-kurangnya tiga sesi setahun. Kaunseling yang dijalankan berbentuk kaunseling individu, keluarga dan kelompok yang memastikan konsistensi dan keberkesanan dalam membantu asnaf mencapai matlamat perubahan positif. Pendekatan ini memberi penekanan kepada pembangunan spiritual dan psikologi yang membolehkan klien berdikari dan mencapai kesejahteraan hidup secara menyeluruh, (Othman, 2024).

Selain itu, MAINS mempunyai modul khusus yang dijadikan sebagai panduan bagi para kaunselor iaitu Modul Kaunseling Islam menurut Al-Ghazali. Berdasarkan modul ini, kaunselor menumpukan perhatian kepada pembangunan spiritual asnaf melalui penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) melalui pendekatan al-Ghazali. Jiwa merupakan aspek yang penting dalam diri manusia kerana apabila seseorang itu mengenal kekuatan dan kelemahan diri mereka, maka mereka boleh didorong untuk memenuhi tanggungjawab sebagai khalifah dan hamba Allah SWT di bumi ini (Hamjah, 2017). Maka, pembangunan asnaf perlu bermula

dengan memperbaiki hubungan mereka dengan Allah SWT terlebih dahulu. Menurut kaunselor,

“Pentingnya menjaga hubungan dengan Allah SWT dalam membentuk sahsiah yang kuat dan jiwa yang tenang, yang menjadi asas kepada kejayaan hidup” (3:45, 236).

Oleh itu, keimanan kepada Allah SWT menjadi asas utama pembangunan spiritual seorang Muslim kerana ia membentuk hubungan erat dengan Pencipta melalui ibadah, takwa dan akidah tauhid. Hubungan ini melahirkan kekuatan rohani yang mampu mengubah kefahaman seseorang tentang diri, kehidupan dan alam semesta, di samping mengisi hati dengan cinta kepada Allah, Rasul dan sesama manusia. Pembangunan spiritual seseorang bergantung kepada hubungan dengan Allah serta komitmen terhadap ibadah yang merupakan elemen penting tetapi sering diabaikan oleh sarjana Barat (Suriani Sudi, Fariza Md Sham, & Phayilah Yama, 2020). Dalam Islam, spiritualiti merangkumi kepercayaan, ibadah dan etika, yang mencerminkan hubungan manusia dengan Allah dan sesama manusia. Hubungan ini akhirnya membawa kepada ketenangan dan kesejahteraan diri.

Bagi mencapai matlamat ini, proses penyucian jiwa dalam modul kaunseling Islam melalui pendekatan al-Ghazali melibatkan enam peringkat utama yang berstruktur. Peringkat pertama ialah membina *rapport* antara kaunselor dan klien bagi mewujudkan hubungan kepercayaan dan penyelesaian. Peringkat kedua melibatkan usaha mengenali diri dan mengenal pasti punca masalah yang dihadapi oleh klien. Seterusnya, pada peringkat ketiga, pelaksanaan *tazkiyah al-nafs* dilakukan melalui kaedah utama, iaitu *mujahadah al-nafs (takhalli)*, yang menekankan usaha membuang sifat-sifat buruk dan penyakit hati. Peringkat keempat meneruskan kaedah *tazkiyah al-nafs* secara lebih mendalam dengan pendekatan khusus melalui *mujahadah al-nafs*. Pada peringkat kelima, kaunselor membantu klien mengaplikasikan *riyadah al-nafs (tahalli)*, iaitu penerapan sifat-sifat terpuji dalam diri. Akhir sekali, peringkat keenam melibatkan proses penilaian untuk menilai keberkesanan perubahan dan memastikan pencapaian kebahagiaan serta kesejahteraan hidup klien. Pendekatan berperingkat ini relevan dalam membantu asnaf fakir miskin mengatasi cabaran hidup melalui penyucian jiwa yang lebih baik. (Hamjah, 2017).

Menurut Hamjah (2017), dalam kaunseling Islam, *takhalli* diaplikasikan sebagai proses penyucian jiwa dengan membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela dan penyakit hati yang menghalang perkembangan spiritual. Kaunselor membantu klien mengenal pasti sifat negatif seperti putus asa, marah, atau tamak melalui perbincangan mendalam, sambil menerapkan nilai-nilai Islam yang menjelaskan keburukan sifat-sifat tersebut menurut syariah. Usaha *mujahadah al-nafs* atau perjuangan melawan hawa nafsu dilaksanakan dengan mendorong klien untuk bermuhasabah diri, memperbanyakkan zikir, *istighfar* dan mengingati mati bagi membersihkan hati. Selain itu, kaunselor memberi panduan praktikal untuk mengawal emosi, seperti mengambil wuduk atau beristighfar ketika marah, dan mengamalkan sifat sabar serta redha dalam kehidupan harian. Pendekatan ini membantu klien, khususnya asnaf fakir miskin, meninggalkan sifat buruk, menyediakan mereka untuk langkah seterusnya iaitu *tahalli*, dan membangunkan keperibadian yang lebih kukuh, (Hamjah, 2017).

Seterusnya, kaunselor Islam menerapkan aspek *tahalli*, iaitu usaha untuk mengisi hati dengan sifat-sifat terpuji melalui peningkatan keimanan, ibadah dan akhlak mulia. Pendekatan ini bertujuan untuk membentuk sahsiah individu yang seimbang dengan memberi fokus kepada pembentukan karakter yang positif dalam kehidupan mereka. Pendekatan dalam peningkatan keimanan kepada Allah SWT, pengukuhan amalan ibadah seperti solat dan zikir, serta pengamalan akhlak mulia seperti sabar, syukur, dan tawakkal, dapat membantu klien memperbaiki diri mereka secara menyeluruh. Pendekatan ini

memberi impak yang besar kepada klien dalam membentuk peribadi yang lebih baik sebagai seorang muslim, (Hamjah, 2017).

Selain itu, antara penekanan terhadap aspek *tahalli* juga turut membantu asnaf dalam memperbaiki hubungan mereka dengan Allah SWT. Dengan menjaga kesucian hati dan amalan ibadah yang lebih konsisten, mereka mampu mencapai ketenangan jiwa dan kebahagiaan hidup. Hal ini seiring dengan pandangan Hamjah (2017), yang menyatakan bahawa pengukuhan aspek spiritual ini bukan sahaja memperbaiki keadaan rohani individu, tetapi turut membawa kepada perubahan positif dalam aspek kehidupan sosial dan material mereka. Dalam konteks kaunseling Islam, penerapan *tahalli* memberikan impak yang baik dalam pembangunan sahsiah asnaf, dengan memberi tumpuan kepada pemurnian hati dan peningkatan nilai-nilai spiritual yang mendalam.

Proses muhasabah, menurut Imam Al-Ghazali, merujuk kepada usaha individu untuk melakukan penilaian terhadap diri sendiri dengan mengenal pasti kelebihan dan kekurangan yang ada, serta menyedari potensi yang dimiliki bagi tujuan pengembangan diri. Dalam kaunseling Islam, kaunselor berperanan sebagai pemudah cara yang membimbing klien, khususnya asnaf fakir miskin, untuk melalui proses mengenal diri, (Hamjah, 2017). Kaunselor Islam akan menggunakan sesi temubual bersama klien untuk mendorong asnaf mengkaji dan menilai tindakan serta keputusan yang telah diambil dalam kehidupan mereka, selain memberi ruang untuk mengenal pasti aspek yang perlu diperbaiki. Kaunselor turut memberi sokongan emosi dan spiritual serta membantu mereka membentuk perspektif yang lebih jelas mengenai kehidupan mereka, dengan tujuan membina perubahan positif yang berterusan.

Akhir sekali, proses muhasabah yang diterapkan dalam kaunseling Islam ini juga menekankan kesedaran rohani sebagai elemen penting dalam pembangunan diri. Pendekatan Al-Ghazali yang menyeluruh ini menekankan kepentingan keseimbangan antara aspek fizikal, mental dan rohani dalam mencapai kemajuan peribadi. Oleh itu, aplikasi proses muhasabah ini dalam kaunseling Islam memberikan dimensi yang lebih menyeluruh terhadap pembangunan diri asnaf fakir miskin, membantu mereka bukan sahaja memperbaiki keadaan duniawi, tetapi juga mencapai ketenangan rohani dan kesejahteraan dalam kehidupan yang lebih bermakna. (Hamjah, 2017).

### **Program Pembangunan Asnaf**

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) memainkan peranan penting dalam pembangunan asnaf fakir miskin melalui pelbagai program dan perkhidmatan yang ditawarkan. Penganjuran program-program pembangunan ini bertujuan untuk membantu asnaf dari segi mental, emosi, spiritual dan sosial, khususnya di kawasan Seremban, Negeri Sembilan. MAINS komited dalam menyantuni lebih daripada 3 ribu orang asnaf fakir miskin terdiri daripada pelbagai peringkat umur dengan menyediakan perkhidmatan yang sesuai untuk setiap individu dan keluarga (Othman, 2024). Menurut kaunselor:

*“Antara peranan yang saya jalankan untuk kita membantu asnaf fakir miskin ini adalah pertama kita akan menawarkan perkhidmatan kaunseling kepada asnaf fakir miskin, khususnya di Negeri Sembilan. Memandangkan kita ada hampir, macam di Seremban kita ada hampir 3,000 asnaf, jadi kita akan menyantuni merekalah daripada kanak-kanak, keluarganya sehinggalah kepada orang tua. Jadi kita menyantuni mereka dengan menjalankan perkhidmatan kaunseling iaitu kaunseling individu kaunseling kelompok, kaunseling keluarga dan juga melalui program.” (3:2 ,84)*

Antara program yang dianjurkan oleh MAINS ialah Program Pembangunan Sahsiah Unggul yang menyasarkan kepada anak-anak asnaf di peringkat sekolah rendah dan

menengah. Ia bertujuan membantu mereka membangunkan diri agar menjadi lebih baik dan bermanfaat (Othman, 2024). Menurut kaunselor;

*“Antara program untuk tahun ini kita ada buat program, nama program pembangunan sahsiah unggul siri satu untuk anak-anak asnaf sekolah menengah, Manakala siri dua untuk anak-anak asnaf sekolah rendah, boleh membantu pembangunan hidup mereka” (3:3 ,94)*

Selain itu, MAINS juga memberi sokongan dalam bentuk pembangunan akademik melalui Program Pengurusan Belajar. Program ini diharapkan dapat membantu anak-anak asnaf yang masih bersekolah mencapai kejayaan dalam pengurusan pendidikan mereka.

*“Seterusnya kita ada program pengurusan belajar belajar, siri satu untuk anak asnaf sekolah menengah, siri dua untuk anak asnaf sekolah rendah membantu pendidikan mereka agar menjadi manusia yang berjaya.” (3:4 ,94)*

Kajian oleh Nurhidayah Mohd Hasidin & Mohd Isa Hamzah (2020), pendidikan berkualiti bukan sahaja membentuk keperibadian dan hala tuju individu, malah berupaya melahirkan generasi yang mampu memenuhi aspirasi negara. Sebagai agen perubahan sosial, pendidikan membuka peluang untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui akses kepada pekerjaan yang lebih baik, sekali gus membantu mengurangkan kemiskinan. Pendidikan yang menekankan kemahiran praktikal ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara, tetapi juga memastikan masyarakat bersedia menghadapi perubahan sosial yang mendatang. Pendidikan juga menjadi instrumen penting dalam pembangunan asnaf fakir miskin, membantu mereka keluar daripada kitaran kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup secara menyeluruh.

Manakala, bagi golongan asnaf iaitu pasangan suami isteri, MAINS menyediakan Program Komunikasi Berkesan. Ia bertujuan untuk mengaplikasikan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam kehidupan mereka. Program ini melibatkan pembangunan kemahiran seperti mendengar dengan teliti, menyampaikan perasaan dengan jelas, menyelesaikan konflik secara konstruktif, dan membangun hubungan yang lebih baik melalui komunikasi yang efektif. Kaunselor menyatakan:

*“kita ada juga program komunikasi berkesan untuk asnaf dan juga pasangan dia” (3:5 ,94)*

Menurut Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yusoff (2011), komunikasi yang berkesan membantu meningkatkan hubungan antara ahli keluarga, khususnya dalam aspek emosi, sosial, dan mental. Kajian ini menekankan dua bentuk komunikasi utama, iaitu orientasi perbualan dan orientasi konformiti. Orientasi perbualan merujuk kepada keterbukaan ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak, manakala orientasi konformiti menumpukan kepada kepatuhan dan autoriti ibu bapa dalam membuat keputusan. Kedua-dua pendekatan ini signifikan dalam membina keharmonian keluarga, di mana orientasi perbualan menggalakkan luahan emosi dan idea, manakala orientasi konformiti membantu mengekalkan norma dan tatasusila keluarga. Seterusnya, Asiah Ali et al, (2008), menyatakan bahawa komunikasi keluarga melibatkan interaksi dua hala, baik secara lisan mahupun bukan lisan, antara ahli keluarga. Bentuk komunikasi yang positif mencipta rasa dihargai, dihormati, dan dikasihi dalam kalangan ahli keluarga. Fungsi utama komunikasi keluarga termasuk mencipta hubungan rapat dan memberikan rangsangan emosi, meningkatkan harga diri, serta mewujudkan perkongsian perasaan dan pengalaman. Tambahan lagi, etika komunikasi seperti keterbukaan, kejujuran dan pengiktirafan terhadap ahli keluarga memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan hubungan kekeluargaan.

Selain itu, asnaf fakir miskin juga dibimbing untuk memperkasakan sumber pencarian mereka khususnya melalui perniagaan. Ini kerana kesukaran dalam menjalankan perniagaan

seringkali berpunca daripada kurang kemahiran dan pengetahuan. Maka, bagi mengatasi masalah ini MAINS menyediakan Program Motivasi Usahawan sebagai latihan untuk meningkatkan kemahiran asnaf dalam menjalankan perniagaan. Menurut kaunselor:

*“Program motivasi usahawan anjuran kami sendiri unit kaunseling, kita buat untuk mereka celik tentang usaha yang mereka lakukanlah, contohnya bila asnaf ni dia ada perniagaan kecil tapi mereka ni tak ada skill tak ada pengetahuan maka kita buat program berbentuk latihan untuk dia tingkatan skill kemahiran.” (3:22 ,205)*

Golongan asnaf dan anak-anak mereka juga dipersiapkan dengan pelbagai peluang pekerjaan melalui Program Halatuju Kerjaya yang memberi peluang kepada mereka untuk membina kerjaya mereka sebagai usahawan. Antaranya MAINS menganjurkan bengkel penyediaan kek dan roti, menawarkan usahawan madu kelulut dan kolam udang. Perkara ini dinyatakan oleh kaunselor seperti berikut:

*“Contohnya macam kita pernah juga buat bengkel penyediaan kek, roti dan kita juga ada buat tawaran pekerjaan dengan menjadi usahawan contohnya usahawan kepada apa ni madu kelulut kita juga ada buat kolam ikan bukan ikan, kolam kolam udang tak salah saya jadi kita memang ada beri peluang, MAINS kami di sini sentiasa beri peluang kepada asnaf” (3:23 ,205)*

*“Kita ada juga program program halatuju kerjaya untuk anak-anak asnaf yang sedang mengikuti pengajian di peringkat SPM ataupun universiti dan kita ada juga program penghargaan sendiri untuk asnaf sendiri” (3:6 ,94)*

Perkara ini disokong Nadia Nadzira Mohd Fauzi et al. (2023), pengetahuan merupakan asas penting dalam memastikan kejayaan usahawan. Ilmu merangkumi pemahaman yang mendalam tentang industri, pengurusan perniagaan, kemahiran pelbagai bidang, inovasi, ketahanan, undang-undang, kemahiran komunikasi, teknologi, analisis risiko dan pembelajaran berterusan. Dengan memiliki pengetahuan yang kukuh, usahawan mampu membuat keputusan yang bijak, menghadapi cabaran dengan strategi yang berkesan, serta memanfaatkan peluang dengan penuh keyakinan. Aspek ini bukan sahaja membantu mengukuhkan daya saing usahawan, tetapi juga memastikan kelangsungan dan kejayaan mereka dalam perniagaan yang sentiasa berubah dan mencabar.

Program-program yang direka khas untuk membantu asnaf keluar daripada belunggu kemiskinan bertujuan membina keperibadian yang mulia, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada bantuan. Selain itu, program ini juga berfungsi sebagai inisiatif untuk mendedahkan generasi kedua asnaf kepada pelbagai peluang kerjaya, yang berpotensi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup mereka. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran dan pengetahuan, di samping memupuk daya tahan serta kebolehan berdikari dalam kalangan asnaf (Muhammad Firdaus et al. 2021).

Seterusnya, bagi memastikan golongan asnaf dilengkapi dengan ilmu agama, MAINS dengan kerjasama Pihak Agihan Zakat mengadakan kelas-kelas agama seperti kelas mengaji dan fardu ain bagi anak-anak asnaf serta asnaf dewasa. Menurut kaunselor:

*“Kita akan buat program dan dalam program tu kita akan panggil anak-anak asnaf contohnya untuk pergi datang ke kelas mengaji. (3:11 ,115)*

*“Kelas-kelas untuk dia meningkatkan tahap pengetahuan dan pengamalan agama Islam dan kita juga ada buat kelas untuk asnaf dewasa,” (3:12 ,125) Mereka datang kelas tersebut dengan kerjasama pihak agihan zakat .” (3:13 ,125)*

Penerapan kelas-kelas keagamaan seperti kelas mengaji dan kelas fardu ain adalah komponen penting dalam program kaunseling Islam bagi asnaf fakir miskin di MAINS.

Dengan meningkatkan pemahaman dan pengamalan agama, kelas-kelas ini membantu membentuk peribadi yang baik dalam kalangan asnaf.

Fardu ain didefinisikan sebagai kewajipan yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim tanpa pengecualian. Ia sering dianggap sinonim dengan istilah wajib ain, yang merujuk kepada tanggungjawab individu yang tidak boleh diwakilkan. Pelaksanaan fardu ain mendatangkan pahala, manakala pengabaianya membawa dosa. Selain itu, Kemahiran membaca al-Quran adalah asas utama bagi ibadah seperti solat, (Mohd Huzairi Bin Awang @ Husain, 2019). Kemahiran ini merangkumi bacaan dengan kaedah *qira'at* yang betul, suara yang baik (*tahsin al-saut*), dan penggunaan tarannum yang sesuai. (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, 2021). Melalui kelas seperti ini, asnaf bukan sahaja mempelajari kemahiran teknikal membaca al-Quran tetapi juga menyerap nilai-nilai kerohanian yang mendalam.

Oleh itu, kelas-kelas agama ini juga sejajar dengan konsep *tazkiyah al-nafs* (penyucian diri) yang diutarakan oleh Imam al-Ghazali. Menurut beliau, *mujahadah al-nafs* (usaha melawan hawa nafsu) dan mengingati kematian merupakan antara kaedah utama untuk membersihkan hati daripada sifat-sifat buruk seperti hasad, sombong dan cinta dunia. Melalui pendidikan agama yang berterusan, golongan asnaf lebih mudah untuk meninggalkan sifat negatif dan menggantinya dengan akhlak mulia. Ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan rohani mereka tetapi juga membina daya tahan menghadapi cabaran hidup.

### **Kesimpulan**

Kajian ini mendapati bahawa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) memainkan peranan penting dalam pembangunan asnaf fakir miskin melalui pendekatan kaunseling Islam dan penganjuran program pembangunan, yang secara holistik memenuhi keperluan psikologi, sosial, material dan spiritual golongan tersebut. Pendekatan kaunseling Islam yang berteraskan modul Al-Ghazali memberi penekanan kepada penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*), termasuk proses takhalli, tahalli, dan muhasabah, bagi membangunkan sahsiah individu secara menyeluruh. Di samping itu, pelbagai program pembangunan yang dilaksanakan oleh MAINS telah memberi impak positif kepada lebih 3,000 asnaf fakir miskin melalui penyediaan perkhidmatan yang disesuaikan dengan keperluan individu. Kajian ini membuktikan keberkesanan pendekatan MAINS dalam membantu golongan asnaf keluar daripada belunggu kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka secara menyeluruh.

### **Bibliography**

- Abdullah, Z. I. (2019). Pengaruh Pembelajaran Akademik Anak-Anak Keluarga Fakir Miskin di Sekolah-Sekolah Selangor. . Selangor: Jurnal Kepimpinan Pendidikan.
- Ahmad, N. M. (2017). Peranan Zakat dalam Meningkatkan Ekuiti dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar di Malaysia. Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Asiah Bt. Ali, I. B. (2008). Peranan komunikasi dalam hubungan kekeluargaan. Seminar Kaunseling Keluarga, 82-89. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azman, M. &. (2025). Keberkesanan Program Pembangunan Ekonomi Asnaf oleh Lembaga Zakat Selangor. . Melaka: Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.
- Hamat., M. F. (2005). Kaedah Mengatasi Kebimbangan dalam Kaunseling: Analisis dari Perpektif Al-Ghazali. UKM, Bangi: Jurnal Hadhari 3.

- Hamjah, S. H. (2008). Pendekatan Da'Wah Al-Irsyad Al-Nafsiyy Menurut Al-Ghazali : Satu Kajian Di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamjah, S. H. (2010). Bimbingan Spiritual Menurut al-Ghaz ali dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling : Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan ( PK MAINS ). Bangi: Jurnal Islamiyyah.
- Hamjah, S. H. (2017). Modul Kaunseling Islam menurut Al-Ghazali. Kajang Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Hamzah., N. b. (Perubahan taraf hidup masyarakat: Impak terhadap aspek pendidikan dan teknologi. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020), 565-571. ). 2020. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia,.
- Kadir, Z. Z. (2014). Bimbingan Dan Kaunseling Islam Terhadap Mualaf Buku Pembangunan Dakwah Mualaf. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed, Z. A. (2007). Keberkesanan Program Kaunseling Perspektif Penghuni Pusat Serenti. UUM: Journal Antidadah Malaysia.
- Mohd Huzairi Bin Awang @ Husain, H. B. (2019). Kaedah Pengajaran Fardu Ain Kepada Murid Berkeperluan Khas. JAKIM.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, M. A. (2021). Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum. Bangi: Jurnal al-Turath, UKM.
- Mustaffa, M. S. (1998). Kaunseling Islam. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustaffa, M. S. (1998). Kaunseling Islam. Jurnal Perulidikan Universiti Teknologi Malaysia. Jilid 4. bit. 1, April 1998, hal. 19 - 30. .
- Nadia Nadzira Mohd Fauzi, N. K. (2023). Usahawan perlu ilmu untuk berjaya. Permata Insan. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Nurol Huda Pehin, H. M. (2021). Asnaf Fakir Miskin di Negara Brunei Darussalam: Kajian Had Kifayah dan Faktor Memohon Zakat Universit. . Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam: Fakulti Syariah dan Undang-Undang.
- Othman, M. H. (2024). Temubual Program Kaunseling Islam MAINS. Negeri Sembilan: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Sembilan, M. A. (2024). Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Retrieved from [info@mains.gov.my](mailto:info@mains.gov.my)
- Suriani Sudi, F. M. (2020). Iman Kepada Allah Sebagai Asas Kecerdasan Spiritual Muslim. UIS, Kajang Selangor: E-Proceeding of The 2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020 .
- Yusoff, C. H. (2011). Corak komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga Melayu di Terengganu. Bangi: Jurnal Hadhari, 3(2), 45–62. , Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zahid, E. S. (2010). Pengagihan Skim Bantuan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin Mengikut Konsep Had al-Kifayah. Malaysia: Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA Johor.